

# Persembahan gambus Fahad Mahdi di UTHM Ahad ini

**JOHOR BAHRU 25 Ogos** - Pemetik gambus terkenal Indonesia, Fahad Mahdi akan membuat persembahan pada majlis Malam Kebudayaan dan Perhimpunan Komuniti Arab Malaysia dan Yemen di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada Ahad ini.

Majlis makan malam anjuran Pertubuhan Kebajikan Keturunan Arab Batu Pahat dan Persatuan Pelajar Yemen UTHM dengan kerjasama UTHM itu akan diadakan di Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM bermula pukul 8 malam.

Timbalan pengerusi jawatankuasa program berkenaan, Abdul Rahman Fitri Sh. Mohamed berkata, program itu merupakan aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan untuk menghimpunkan komuniti berketurunan Arab Yemen di Malaysia, Indonesia dan Singapura.

"Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara masyarakat berketurunan Arab selain beramah mesra dan berhibur dengan persembahan tradisi masyarakat Arab yang disajikan oleh pihak penganjur.

"Ia berkonsepkan santai, sambil beramal dan berhibur. Malah program ini turut dijayakan oleh anak-anak muda dibawah Al Ikwani Batu Pahat dan Al Wafaa Melaka," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari.

Menurut Abdul Rahman Fitri, program tersebut secara tidak langsung mempamer kesenian kebudayaan masyarakat Arab berketurunan Yemen yang kian terhakis dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Katanya, pihak penganjur menyasarkan kehadiran seramai 600 hadirin menerusi penjualan tiket berharga RM70 yang kini giat dijalankan urusetia meliputi Johor, Melaka, Kuala Lumpur dan Singapura.

"Setakat ini sambutan yang menggalakkan dan kami juga mendapat tajaan daripada pihak Jakel Trading Sdn. Bhd. selain beberapa syarikat lain untuk menjayakan program ini.

"Tempat yang disediakan adalah terhad dan tempahan masih dibuka kepada orang ramai mahupun penggiat budaya dan seni di seluruh negara," katanya.

Muhammad berkata, orang ramai yang berminat untuk mendapatkan tiket boleh berbuat demikian dengan menghubunginya ditalian 013-7173243 dan Muhammad Ali (017-7217725) untuk zon Johor dan Singapura.

Sementara itu bagi zon Melaka pula, orang ramai boleh menghubungi Husein Salleh di talian 013-6688387 sementara Farhan Idris (013-6678600) untuk zon Lembah Klang.